



PBD 总结式课堂评估
PENTAKSIAN SUMATIF



Berdasarkan
Jadual Spesifikasi Ujian
(JSU)

模拟评估 KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik

国文

Bahasa
Melayu

Tahun

5



4+1 set kertas model

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks

PERCUMA



1 set Kertas Model digital
<https://bit.ly/3CL0R>



Jadual Spesifikasi Ujian
yang boleh diunduh
<https://bit.ly/3CL0R>

Nama

Sekolah

Nama: _____

Kelas: _____

Tarikh: _____

Kertas Model / 4

Tema 7 – 8

BAHASA MELAYU [011]

Satu jam lima belas minit

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kakak Nirmala _____ menjalankan perniagaan roti dan kek dari rumahnya sejak dua tahun yang lalu.
- A akan
 - B telah
 - C makin
 - D sedang

Morfologi Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

Teliti penggunaan kata bantu yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Pameran Sains dan Teknologi yang dianjurkan oleh Kelab Sains dan Teknologi SJKC Pandan Indah itu sedang _____ di Dewan Sivik Petaling Jaya.
- A terlangsung
 - B berlangsung
 - C dilangsungkan
 - D melangsungkan

Morfologi Aras R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Jangan kamu dapat mengunjungi Pameran Sains dan Teknologi itu.
B Usah beratur ketika hendak memasuki dewan pameran teknologi itu.
C Sila tuan dan puan dapat mengisi borang pendaftaran itu terlebih dahulu.
D Jemputlah rasa produk coklat berperisa bluberi yang baru kami lancarkan itu.

Sintaksis Aras S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kemajuan sains dan teknologi banyak memberikan manfaat kepada kita. Contohnya, penciptaan telefon pintar dilengkapi dengan pelbagai aplikasi. Teknologi ini membantu kita menjalankan aktiviti harian dengan lebih teratur. Kehidupan kita menjadi lebih senang dan mudah. Tambahan pula, jaringan Internet memudahkan kita untuk menghubungi keluarga kita di mana-mana sahaja mereka berada melalui penggunaan telefon pintar. Oleh sebab itu, hubungan kekeluargaan menjadi bertambah erat.

Selain itu, teknologi semakin berkembang pantas dalam penciptaan komputer. Misalnya, kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi lebih mudah. Pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan dapat disalurkan oleh guru. Malah, murid menjadi semakin celik komputer.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa manfaat penciptaan telefon pintar ialah dapat membantu kita menjalankan aktiviti harian dengan lebih teratur.

4 Apakah manfaat penciptaan telefon pintar?

- A Menjadikan murid semakin celik komputer
- B Memudahkan kita untuk menghubungi guru kita
- C Membantu kita menjalankan aktiviti harian dengan lebih teratur
- D Menghubungi kawan-kawan di mana-mana sahaja mereka berada

Memahami Aras R

5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A Guru dapat menghubungi keluarga.
- B Penciptaan komputer menyukarkan urusan hidup kita.
- C Jaringan Internet dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.
- D Guru menggunakan telefon pintar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Mengaplikasi Aras S

6 Yang berikut ialah kemajuan sains dan teknologi berdasarkan petikan *kecuali*

- A jaringan Internet.
- B penciptaan komputer.
- C penciptaan telefon pintar.
- D kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Menganalisis Aras T

Soalan 7 hingga 10


Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Pasukan Inovasi SJKC Chong Hwa telah menjuarai Pertandingan Inovasi Peringkat Daerah Negeri Selangor. Ciptaan inovasi mereka ialah kerusi belajar serba guna.

Kerusi belajar serba guna ciptaan mereka menggunakan kayu yang ringan dan mudah *dibentuk*. Hasil inovasi mereka bukan sahaja murah harganya tetapi juga mempunyai ciri-ciri keselamatan. Hal ini demikian kerana bahan yang digunakan tidak berbahaya dan tidak memudaratkan kesihatan.

Selain itu, kerusi belajar serba guna itu juga menjimatkan ruang. Semua barang dan peralatan untuk belajar dapat diletakkan di kerusi itu. Kerusi itu dapat digunakan oleh sesiapa sahaja.

BAHAN 2

7 Pasukan Inovasi SJKC Chong Hwa telah mencipta

- A kerusi serba guna.
- B kerusi yang ringan.
- C kerusi belajar serba guna.
- D kerusi yang tidak berbahaya.

Memahami Aras R

8 Ciptaan inovasi mereka ialah kerusi belajar serba guna.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A kaki.
- B buah.
- C bentuk.
- D batang.

Penjodoh Bilangan Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

9 Perkataan *dibentuk* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A diadakan.
- B dihasilkan.
- C diwujudkan.
- D dimasukkan.

Memahami Aras S

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Kerusi belajar serba guna itu bersaiz besar dan berat.
- B Kerusi belajar ciptaan mereka ringan dan mudah dibentuk.
- C Ciptaan inovasi mereka dapat memudaratkan kesihatan pengguna kerusi itu.
- D SJKC Chong Hwa telah memenangi pertandingan inovasi peringkat sekolah.

Menganalisis Aras T

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pak Misbun dan Mak Misah berniaga nasi lemak dan kuih-muih di warung di tepi jalan. Mereka akan menyediakan nasi lemak dan pelbagai jenis kuih itu di rumah. Setelah semua barang perniagaan mereka telah sedia, mereka akan bergegas ke warung.

Selain nasi lemak dan kuih-muih, Pak Misbun juga menggoreng mi di warung itu. Mi goreng itu dapat dinikmati panas-panas kerana akan digoreng setelah diminta oleh pelanggan. "Mi goreng ini sangat sedap," kata seorang pelanggan kepada Pak Misbun.

Mereka melayan pelanggan mereka dengan ramahnya. Mereka sentiasa tersenyum semasa berniaga di warung itu. Para pelanggan mereka gemar membeli makanan di warung itu kerana harganya berpatutan.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Pak Misbun dan Mak Misah berniaga nasi lemak dan kuih-muih di warung di tepi jalan.

- 1 (a) Pak Misbun dan Mak Misah berniaga _____
di warung di tepi jalan.

Memahami Aras R [1 markah]

- (b) Mengapakah para pelanggan mereka gemar membeli makanan di warung itu?

Mengaplikasi Aras R [2 markah]

(c) Gariskan kata berimbuhan yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Selain nasi lemak dan kuih-muih, Pak Misbun juga menggoreng mi di warung itu.

Morfologi Aras S [1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

"Mi goreng ini sangat sedap," kata seorang pelanggan kepada Pak Misbun.

Pak Misbun memuji keenakan mi goreng pelanggan itu.	
Pelanggan itu memuji keenakan mi goreng Pak Misbun itu.	

Sintaksis Aras T [1 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu dan anggota jawatankuasa persatuan kamu berbincang untuk menyertai jualan Hari Kantin di sekolah kamu. Namun begitu, setelah berbincang, anggota persatuan kamu tidak mencapai kata sepakat untuk menentukan barang yang akan dijual. Sebagai pengerusi persatuan, kamu diminta untuk memberikan pendapat kamu.

2 Berdasarkan situasi di atas, apakah yang perlu kamu lakukan? **KBAT**

Menganalisis Aras T [5 markah]

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian C

[10 markah]


Grafik di bawah ini tentang ciptaan sains.

Tulis pendapat kamu tentang kebaikan ciptaan sains.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T



TIP

Cara menjawab soalan


1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang cara-cara menjaga alam sekitar.

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. **KBAT**

Karangan: Mencipta Aras T

LAWATAN KE KILANG KEREPEK



1 Tulis karangan keperihalan berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tulis laporan berdasarkan gambar di atas.